



Integrasi Nilai Maqasid Syariah dalam Kurikulum Mata Pelajaran Umum (MPU): Satu Tinjauan Awal di UiTM Cawangan Sarawak

NAZIRAH HAMDAN^{1,a}, NOOR AIN MOHD NOOR^{2,b}, NUR ADILAH AMIRUDDIN^{3,c}, MOHAMAD BAZLI MD RADZI^{4,d},
and MOHD ASYRAF YUSOF^{5,e}

¹⁻⁵ Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

^anazirahhamdan@uitm.edu.my, ^bnoorain89@uitm.edu.my, ^cadilah@uitm.edu.my, ^dmdbazli@uitm.edu.my &
^easyrafyusof@uitm.edu.my

Abstrak

Kajian ini membincangkan potensi integrasi nilai-nilai Maqasid Syariah dalam kurikulum Mata Pelajaran Umum (MPU) di institusi pengajian tinggi, khususnya di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak. Maqasid Syariah yang merangkumi lima prinsip utama iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kesemua elemen ini menjadi kerangka nilai Islam yang holistik dan sejagat yang signifikan dalam segenap aspek kehidupan. Melalui pendekatan kualitatif berbentuk teoritikal, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan sorotan literatur terhadap dokumen kurikulum kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) yang terpilih iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban I (CTU152) dan Pengantar Etika dan Peradaban (IDA153). Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai-nilai Maqasid Syariah boleh diintegrasikan secara sistematis dalam topik-topik kursus MPU, sekali gus menyumbang kepada pembentukan sahsiah pelajar yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan nilai sejagat yang terkandung dalam Maqasid Syariah dijadikan asas kepada pembangunan kurikulum yang lebih inklusif dan berteraskan etika, selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan aspirasi pembangunan insan holistik. Implikasi kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjut dalam memperkukuh pendidikan nilai di peringkat pengajian tinggi.

Kata kunci: Maqasid Syariah, kurikulum MPU, UiTM Cawangan Sarawak.

1. Pengenalan

Dalam era pendidikan tinggi masa kini, penekanan tidak lagi terhad kepada pencapaian akademik semata-mata, sebaliknya turut merangkumi aspek pembentukan sahsiah dan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar. Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi, sama ada awam mahupun swasta, bertanggungjawab dalam memastikan para pelajar mengikuti kursus MPU. Hal ini selaras dengan ketetapan bahawa subjek MPU merupakan sebahagian daripada kurikulum pengajian yang diperkenalkan serta diwajibkan di institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia bagi membentuk pelajar yang holistik dan seimbang. Namun, elemen nilai Islam khususnya yang berteraskan Maqasid Syariah, masih belum diintegrasikan secara menyeluruh dalam kandungan kursus MPU. Maqasid Syariah merupakan kerangka nilai Islam yang merangkumi lima elemen utama iaitu penjagaan agama (*al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-aql*), keturunan (*al-nashb*), dan harta (*al-mal*) (Auda, 2008). Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau secara teoritikal potensi integrasi nilai Maqasid Syariah dalam kurikulum MPU khususnya di UiTM Cawangan Sarawak.

2. Sorotan Kajian

Pendidikan tinggi memainkan peranan yang amat penting dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja berpengetahuan dan berketerampilan malah beretika dan berintegriti tinggi. Kurikulum pendidikan di institusi pengajian tinggi dirangka bagi mencapai objektif melahirkan graduan yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran insaniah, serta nilai kemanusiaan. Menurut Malaysian Qualifications Framework (MQF) versi 2.0, kurikulum pendidikan tinggi perlu mengintegrasikan pengetahuan akademik, kemahiran praktikal, tanggungjawab sosial serta nilai moral dan etika (Malaysian Qualifications Agency [MQA], 2020). Hal ini selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memfokuskan dalam aspek keseimbangan jasmani, emosi, intelek, dan rohani (JERI). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah dibentuk sebagai asas dalam sistem pendidikan di Malaysia untuk menyokong usaha pembangunan insan dalam mendidik rakyat secara seimbang dan holistik (Rosli et al., 2022). Selari dengan hasrat ini, Falsafah Pendidikan Islam (FPI) turut memperkukuh kerangka pendidikan nasional dengan menekankan pembentukan insan yang harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, berasaskan keimanan dan kepatuhan kepada Allah SWT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). FPI menekankan bahawa pendidikan bukan semata-mata proses pemindahan ilmu, tetapi sebagai usaha berterusan untuk membentuk insan berakhlak mulia, berilmu, dan mampu



menjalankan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya di muka bumi (Wan Daud, 1998; Mohd Kamal Hassan, 2010)."

Namun demikian, wujud persoalan sejauh mana pengisian kurikulum MPU masa kini mampu menyemai nilai-nilai Islam yang holistik dan bersepadu, khususnya dalam konteks menghadapi cabaran globalisasi dan arus pemodenan yang kian mencabar. Oleh itu, Maqasid Syariah yang menjadi asas dalam pensyariaan Islam merangkumi pemeliharaan agama (*al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-'aql*), keturunan (*al-nasb*), dan harta (*al-mal*) (Al-Ghazali, 1997; Al-Shatibi, 2005; Kamali, 2008). Namun, Maqasid Syariah tidak hanya terhad kepada perundangan Islam, malah boleh diaplikasikan dalam pendidikan, polisi sosial, ekonomi dan pembangunan insan secara menyeluruh (Dusuki & Bouheraoua, 2011). Sehubungan itu, pengintegrasian nilai-nilai Maqasid Syariah ke dalam kurikulum MPU di peringkat IPTA dan IPTS di Malaysia dapat memperkukuh dimensi spiritual dan nilai dalam diri pelajar, serta menyumbang kepada matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Di samping itu, pendekatan ini selari dengan tuntutan semasa bagi membina graduan beridentiti Malaysia yang tinggi nilai moral dan berjiwa sejahtera (Ministry of Higher Education Malaysia, 2021). Walaupun kursus MPU dirangka untuk membentuk jati diri pelajar, ia masih dilihat sebagai bersifat umum dan kurang menonjolkan prinsip-prinsip Islam secara sistematik (Yusoff et al., 2022). Tambahan pula generasi muda hari ini berada dalam era globalisasi yang mencabar nilai dan identiti pelajar. Justeru, integrasi nilai Maqasid Syariah dalam kurikulum dapat menjadi asas kukuh kepada pembentukan akhlak dan keperibadian pelajar.

Penerapan nilai-nilai Maqasid Syariah dalam kurikulum pendidikan tinggi dilihat sebagai satu pendekatan yang inklusif dan relevan dalam membentuk sahsiah pelajar secara holistik, tanpa mengira latar belakang agama. Hal ini demikian kerana prinsip-prinsip utama Maqasid Syariah seperti menjaga agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*), dan harta (*hifz al-mal*) merupakan nilai sejagat yang menjadi tunjang kepada pembinaan tamadun manusia yang seimbang dan bertanggungjawab (Auda, 2008). Menurut Jasser Auda (2011), Maqasid Syariah tidak hanya terikat dalam skop perundangan Islam, bahkan ia berperanan sebagai kerangka etika yang menyeluruh dalam mewujudkan keadilan, kesejahteraan, dan penghormatan terhadap hak asasi manusia dalam masyarakat majmuk. Oleh itu, integrasi nilai-nilai ini dalam mata pelajaran umum seperti Penghayatan Etika dan Peradaban serta Manusia dan Agama boleh menjadi asas kepada pembinaan jati diri pelajar yang beretika, rasional dan berwawasan global, selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Selain itu, Nasri et al. (2020) menegaskan bahawa penerapan Maqasid dalam pendidikan mampu meningkatkan keupayaan pelajar untuk menilai isu-isu semasa secara kritis dan berasaskan nilai, tanpa menjejaskan sensitiviti kepercayaan pelajar bukan Islam. Oleh itu, nilai-nilai Maqasid Syariah boleh disampaikan dalam bentuk aplikasi nilai moral sejagat, seperti integriti, tanggungjawab sosial, hak individu, dan kesejahteraan komuniti, menjadikannya sesuai dan bermanfaat untuk semua kelompok pelajar.

3. Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif kajian ini adalah bagi menganalisis potensi integrasi nilai Maqasid Syariah dalam kandungan kurikulum MPU di Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak. Manakala persoalan kajian ialah sejauhmanakah potensi integrasi nilai Maqasid Syariah dalam kandungan kurikulum MPU di Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak?

4. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif bersifat teoritikal dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan sorotan literatur. Bahan rujukan terdiri daripada dokumen kurikulum MPU, artikel akademik, serta dasar pendidikan tinggi Malaysia. Pendekatan ini membolehkan penilaian kritikal terhadap potensi integrasi nilai Maqasid Syariah dalam struktur sedia ada. Skop kajian ini tertumpu kepada subjek MPU bagi pelajar tahun kedua pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM), iaitu kursus *Penghayatan Etika dan Peradaban I* (CTU152) dan *Pengantar Etika dan Peradaban* (IDA153). Walaupun kedua-dua kursus ini mempunyai objektif dan kandungan yang setara, pembezaannya hanya terletak pada kod kursus, yang digunakan untuk mengasingkan pelajar berdasarkan latar belakang agama; CTU152 ditawarkan kepada pelajar beragama Islam, manakala IDA153 ditawarkan kepada pelajar *non-muslim*, selaras dengan sistem pengurusan akademik UiTM. Pengasingan kedua-dua kod subjek ini adalah kerana UiTM Cawangan Sarawak mempunyai bilangan pelajar bumiputra *non-muslim* yang lebih ramai jika dibandingkan dengan pelajar di cawangan-cawangan yang lain.

5. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Berdasarkan analisis dokumen yang dibuat, jadual di bawah menunjukkan hasil dapatan kajian mengenai integrasi topik kursus dengan maqasid syariah.



Jadual 1.1: Integrasi Topik Kursus Dengan Maqasid Syariah

Objektif Maqasid Syariah	Topik Kursus CTU152	Topik Kursus IDA153	Bentuk Integrasi
Menjaga Agama (Din)	2.2.2 Perspektif agama dan kepercayaan 6.2 Perlembagaan sebagai Tiang Seri	2.2.2 Perspektif agama dan kepercayaan 6.1 Sejarah dan Konsep Perlembagaan	Memupuk kefahaman antara agama, nilai spiritual, dan peranan perlembagaan dalam keharmonian sosial
Menjaga Nyawa (Nafs)	4.2.2 Defisit Sosial 9.1 Tadbir urus dan pembangunan	9.1 Defisit sosial dan rasuah	Menangani isu sosial dan meningkatkan kesedaran terhadap kesejahteraan masyarakat
Menjaga Akal ('Aql)	2.2 Sejarah pemikiran Timur dan Barat 7.3 Etika ICT	2.2 Sejarah pemikiran Timur dan Barat 7.3 Etika ICT	Mendorong pemikiran kritikal dan penggunaan teknologi secara beretika
Menjaga Keturunan (Nasb)	1.4 Penghayatan peringkat individu, keluarga, komuniti 8.4 Tanggungjawab sosial	5.4 Idea "Bangsa Idaman" 8.4 Tanggungjawab sosial	Memupuk nilai kekeluargaan, perpaduan etnik, dan pembinaan generasi beretika
Menjaga Harta (Mal)	3.2.3 Ekonomi dan Pasaran 9.1 Black Economy dan rasuah	3.2.3 Ekonomi dan Pasaran 9.1 Black Economy dan rasuah	Menekankan keadilan ekonomi, integriti, dan pengurusan harta secara beretika

Elemen pertama dalam maqasid syariah iaitu penjagaan agama. Penjagaan agama (*hifz al-din*) merupakan keutamaan tertinggi dalam hierarki Maqasid Syariah kerana agama menjadi asas kepada pembentukan identiti rohani, sistem nilai, dan hala tuju kehidupan manusia. Tanpa asas keagamaan yang kukuh, masyarakat akan kehilangan pedoman moral dan etika, sekali gus menyumbang kepada keruntuhan sosial. Al-Ghazali menegaskan bahawa agama perlu dijaga kerana ia menjadi sumber kepada keimanan dan keharmonian, dan sebarang ancaman terhadap agama merupakan ancaman terhadap kesejahteraan umat manusia secara keseluruhan (al-Ghazali, n.d.). Dalam konteks pendidikan pula, penjagaan agama boleh dicapai melalui pengukuhan elemen spiritual, kefahaman aqidah, serta pemupukan nilai-nilai universal yang dikongsi oleh pelbagai agama, sekali gus menyumbang kepada perpaduan sosial dalam masyarakat majmuk (Auda, 2008; Kamali, 2010) Elemen kedua iaitu prinsip penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) dalam Maqasid Syariah menekankan kepentingan melindungi kehidupan manusia daripada segala bentuk ancaman, bahaya, dan penindasan. Nilai ini bukan sahaja bersifat teras dalam kerangka Islam, malah juga sejajar dengan prinsip kemanusiaan sejagat yang diiktiraf oleh semua agama dan sistem moral. Menurut Ibn Ashur (2006), perlindungan terhadap nyawa manusia merupakan objektif syariah yang melampaui sempadan agama kerana kehidupan adalah amanah Tuhan yang mesti dihargai dan dijaga. Dalam konteks pendidikan tinggi, nilai *hifz al-nafs* dapat diterjemahkan melalui usaha membina persekitaran pembelajaran yang selamat, sokongan kesihatan mental, serta penghayatan nilai toleransi dan empati dalam kalangan pelajar pelbagai agama. Oleh itu, penerapan prinsip ini bukan sahaja relevan, tetapi juga bersifat inklusif dan boleh diterima oleh pelajar bukan Islam kerana ia menyentuh hak asas dan keperluan sejagat manusia untuk hidup dengan aman dan bermaruah (Auda, 2008; Kamali, 2010).

Elemen ketiga tentang penjagaan akal (*hifz al-'aql*) merupakan salah satu prinsip utama dalam Maqasid Syariah yang menekankan kepentingan pemeliharaan daya intelek manusia melalui pengembangan ilmu, pemikiran rasional, serta pencegahan terhadap segala bentuk kemudaratannya yang boleh merosakkan fungsi akal. Dalam tradisi Islam, akal dianggap sebagai instrumen penting dalam memahami wahyu, membuat pertimbangan moral, dan memandu tindakan secara bijaksana. Justeru, syariah sangat menitikberatkan pembangunan akal melalui pendidikan, galakan berfikir secara kritikal, dan larangan terhadap unsur-unsur yang melemahkan daya fikir seperti arak dan dadah (Auda, 2008; Al-Ghazali, n.d.). Dalam konteks pendidikan tinggi yang bersifat inklusif, nilai *hifz al-'aql* adalah sangat relevan untuk diterapkan kepada semua pelajar tanpa mengira latar belakang agama. Ini kerana pemeliharaan akal menyokong prinsip asas pendidikan moden seperti kebebasan akademik, pemikiran kritis, dan literasi intelektual—yang merupakan keperluan asas kepada pembangunan pelajar sebagai warganegara global yang berilmu, beretika dan berkeupayaan membuat



keputusan secara bertanggungjawab. Justeru, nilai ini dapat disepadukan dalam kurikulum Mata Pelajaran Umum (MPU) sebagai nilai sejagat yang bukan sahaja menepati kehendak syariah, tetapi juga menyumbang kepada pencapaian objektif pendidikan nasional dan antarabangsa. Seterusnya elemen keempat iaitu penjagaan keturunan (*hifz al-nasb*) merupakan salah satu objektif utama dalam Maqasid Syariah yang menekankan keperluan melindungi institusi keluarga, memelihara maruah diri, serta memastikan kelangsungan zuriat secara sah dan bermoral. Konsep ini merangkumi aspek perlindungan terhadap nilai-nilai kekeluargaan, pendidikan seksual yang beretika, dan larangan terhadap sebarang bentuk kerosakan sosial seperti perzinaan, penderaan, dan eksploitasi seksual (Auda, 2008; Kamali, 2010). Islam melihat penjagaan keturunan bukan sekadar tanggungjawab individu, malah sebagai asas kepada kestabilan sosial dan pembangunan masyarakat yang sejahtera.

Dalam konteks pendidikan tinggi, nilai *hifz al-nasb* dapat diintegrasikan melalui pemupukan kesedaran pelajar terhadap pentingnya tanggungjawab sosial, pemeliharaan maruah diri, serta nilai-nilai kekeluargaan universal yang dikongsi oleh pelbagai agama dan budaya. Nilai ini bukan hanya relevan untuk pelajar Muslim, bahkan sesuai untuk pelajar bukan Islam kerana ia menyentuh aspek asas kemanusiaan seperti hak terhadap perlindungan diri, kesaksamaan gender, dan keselamatan sosial. Oleh itu, integrasi prinsip ini dalam kurikulum dapat membentuk pelajar yang beretika, berdisiplin, serta mampu membuat keputusan yang bermaruah dan bertanggungjawab dalam kehidupan peribadi dan sosial mereka. Elemen yang terakhir ialah penjagaan harta (*hifz al-māl*) merupakan antara prinsip asas dalam Maqasid Syariah yang memberi penekanan terhadap perlindungan hak milik individu, keadilan dalam agihan sumber, dan pengurusan harta secara beretika. Prinsip ini bukan sahaja bertujuan mencegah kerosakan seperti kecurian, penipuan dan rasuah, malah menggalakkan pembangunan ekonomi yang lestari dan amanah sosial (Auda, 2008; Dusuki & Abdullah, 2007). Pemeliharaan harta turut dianggap sebagai asas kepada kemakmuran masyarakat dan kestabilan negara kerana ia menyentuh aspek kepercayaan, tanggungjawab dan keadilan dalam hubungan sosial (Kamali, 2010). Al-Ghazali (n.d.) menekankan bahawa penjagaan harta merupakan antara keperluan asasi manusia, setaraf dengan keperluan menjaga nyawa dan akal, kerana ketiadaan jaminan terhadap harta akan menjejaskan keselamatan hidup dan keharmonian sosial.

Dalam konteks pendidikan tinggi, nilai *hifz al-māl* boleh diterapkan menerusi pendidikan literasi kewangan, pemupukan integriti, serta penanaman budaya menolak rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan pelajar. Nilai ini juga bersifat universal dan boleh diterima oleh pelajar bukan Islam kerana ia menyentuh aspek etika sejagat berkaitan keadilan, akauntabiliti dan tanggungjawab sosial. Justeru, pengintegrasian prinsip ini dalam kurikulum Mata Pelajaran Umum (MPU) adalah bersesuaian dengan matlamat pendidikan nasional untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berintegriti dan prihatin terhadap isu sosial dan ekonomi.

6. Penutup

Kesimpulannya kajian ini menunjukkan bahawa nilai-nilai yang terkandung dalam Maqasid Syariah adalah sangat relevan dan berpotensi tinggi untuk diintegrasikan ke dalam kandungan kursus MPU seperti *Penghayatan Etika dan Peradaban* (CTU152) dan *Pengantar Etika dan Peradaban* (IDA153). Lima elemen utama Maqasid Syariah merupakan prinsip nilai sejagat yang tidak hanya sesuai untuk pelajar Muslim, malah turut memberi impak positif kepada pelajar bukan Islam melalui pendekatan nilai kemanusiaan, tanggungjawab sosial dan etika bersama. Integrasi ini selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan aspirasi pembangunan insan holistik di institusi pengajian tinggi. Melalui pengolahan yang inklusif dan bersifat interdisiplin, nilai-nilai Maqasid Syariah boleh memperkukuh pendidikan moral dan sivik dalam kalangan pelajar serta menjadi asas kepada pembinaan masyarakat Malaysia yang sejahtera, bersatu dan berintegriti.

References

- Al-Ghazali. (n.d.). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. London: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Auda, J. (2011). *Towards a Maqasid al-Shariah Based Development Index*. London: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Chapra, M. U. (2000). *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Dusuki, A. W., & Abdullah, N. I. (2007). Maqasid al-Shari'ah, masalah, and corporate social responsibility. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 24(1), 25–45. <https://doi.org/10.35632/ajiss.v24i1.1445>
- Hassan, N. S., Yusoff, M. Y. Z., & Aziz, N. A. (2019). Penilaian Pengajaran Mata Pelajaran Umum (MPU) di IPT: Kajian Kes UiTM. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(2), 45–54.
- Kamali, M. H. (2010). *Maqasid al-Shari'ah Made Simple*. London: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). *Falsafah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Perkembangan Kurikulum.



-
- Mohd Kamal Hassan. (2010). *A Return to the Qur'ānic Paradigm of Development and its Contemporary Implications*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.
- Nasri, N. M., Mohamed, N., & Mohamad, N. (2020). Integrating Maqasid al-Shariah in the teaching of Islamic studies: A conceptual analysis. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(2), 45–52. <https://doi.org/10.17576/jpen-2020-45.02-06>
- Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu (Integrating the National Education Philosophy (Falsafah Pendidikan Kebangsaan-FPK) in Developing Integrated Human Capital). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86–103.
- Salleh, M. J., & Ahmad, A. R. (2010). Pendidikan Berasaskan Maqasid Syariah: Suatu Sorotan Awal. *Jurnal Hadhari*, 2(1), 35–50.
- Yusoff, M. Y. Z., Hassan, N. S., & Ahmad, N. (2022). Pemerkasaan Pendidikan Nilai dalam Kursus MPU: Satu Penilaian Awal. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 10(1), 34–42.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC. (IIIT).